

**PM tak
mahu
ilmu ditimba
hanya
untuk sijil
dan kerja**

5 OCT 1987

KUALA TERENGGANU 4 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad tidak mahu ilmu yang ditimba dari sekolah - sekolah hanya untuk mendapatkan sijil peperiksaan dan pekerjaan.

Perdana Menteri menegaskan ilmu harus digunakan untuk membuat sesuatu yang hasilnya akan membaiki dan memajukan kehidupan masyarakat.

Dalam hubungan ini beliau mengajak rakyat merenung kenapa negara Barat atau Eropah lebih maju dari negara ini, "walaupun kita lebih maju dari negara yang kurang maju."

"Persoalan ini timbul adalah kerana pelajaran atau ilmu yang diperolehi tidak digunakan sepenuhnya dan ilmu tidak dapat membawa hasil kecuali ia digunakan untuk membuat sesuatu," jelasnya.

Manfaatkan

Berucap merasmikan Sekolah Menengah Ajil, kira-kira 30 kilometer dari sini pagi ini dalam rangka lawatan rasmi 3 hari ke Terengganu, Perdana Menteri membawa cerita bagaimana orang Barat dapat manfaat dari orang Cina bermain mercun.

Katanya orang - orang Cina sudah pandai membuat mercun kira - kira 2,000 tahun dahulu dan orang Barat semasa berperang menggunakan lastik berbatu besar untuk memusnahkan musuh.

Tetapi orang Barat menggunakan ilmu mereka hasil dari idea mercun itu mencipta bahan letupan dan membuat meriam sebagai pembaharuannya.

Kata Datuk Sri Dr. Mahathir "kita mungkin mempunyai sekolah yang baik berbanding dengan negara Barat tetapi kita tidak menggunakan ilmu yang diperolehi itu sepenuhnya.

"Kita dulu pandai buat kipas dari daun tetapi sekarang kepandaian itu kita lupakan dan kipas angin tidak tahu membuatnya. Kita hanya tahu menekan butang dan terasa anginnya."